

09 SEP 1996

YANG DIPERTUA DEWAN PERHIMPUNAN VIETNAM LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Yang Dipertua Dewan Perhimpunan Nasional Vietnam, Nong Duc Manh, akan mengetuai rombongan 18 anggota untuk melakukan lawatan rasmi enam hari ke Malaysia mulai esok.

Kenyataan Wisma Putra hari ini berkata lawatan itu merupakan lawatan balas Manh kepada lawatan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Mohamed Zahir Ismail ke Vietnam pada 1993.

Manh dijangka mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Zahir untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu kepentingan bersama dua hala dan antarabangsa.

Beliau juga dijadualkan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Rombongan Vietnam itu juga dijangka melawat kilang kereta Perodua di Rawang, kilang Sapura di Hulu Klang, Menara Kuala Lumpur dan akan turut mengunjungi Melaka. -- BERNAMA

AKT CTL NMO